

25/07/1997

Hasrat PM temui raja langkah terbaik

SHAH ALAM, Khamis - Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, menyifatkan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk bertemu raja-raja adalah langkah terbaik bagi menyelesaikan masalah ketidakseragam undang-undang Islam di seluruh negara.

Beliau berkata, tindakan Dr Mahathir itu kena pada masanya untuk menyelaraskan beberapa ketidakseragaman dalam undang-undang Islam di setiap negeri, terutama yang membabitkan penguatkuasaan.

Abu Hassan berkata, langkah untuk menyeragamkan undang-undang Islam perlu dikaji dengan teliti dan tiada mana-mana pihak akan hilang kuasa.

Menurutnya, perbincangan yang akan diadakan di antara Perdana Menteri dan raja-raja adalah dari segi penyelarasan bukan mengambil mana-mana kuasa raja.

"Saya sudah mengutarakan bahawa perlunya masalah ketidakseragaman ini dibawa ke peringkat pusat untuk diselaraskan.

"Berikutan itu, saya mengucapkan syabas kepada Perdana Menteri yang mengambil daya usaha sendiri untuk bertemu raja-raja bagi menjelaskan perkara ini dan diharap melalui pertemuan itu undang-undang Islam di negara ini dapat diseragamkan," katanya.

Abu Hassan berkata demikian kepada pemberita selepas menyampaikan diploma kepada 309 lulusan Kolej Industri Pendidikan Selangor (Inspens) di Dewan Jubli Perak di sini, hari ini.

(END)